

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR
[TUMPAT]

TARIKH : 13 NOVEMBER 2014

SOALAN : YB Dato' Kamarudin bin Jaffar
[Tumpat] minta YB MENTERI LUAR
NEGERI menyatakan apakah isu-isu
utama yang akan diperjuangkan oleh
Kerajaan jika kita menang kerusi Ahli
Majlis Keselamatan PBB.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Sepertimana yang dewan yang mulia ini sedia maklum, Malaysia telah terpilih sebagai ahli tidak tetap Majlis Keselamatan PBB bagi penggal 2015-2016 menerusi undian yang telah diadakan pada 16 Oktober 2014 di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, New York, Amerika Syarikat. Malaysia akan memulakan tanggungjawabnya sebagai anggota Majlis tersebut pada 1 Januari 2015.

2. Selaras dengan tema pencalonan Malaysia, "Keselamatan dan Keamanan Melalui Kesederhanaan", Malaysia telah menyenaraikan lima (5) keutamaan yang akan diketengahkan sebagai ahli tidak tetap Majlis Keselamatan PBB bagi penggal 2015-2016. Keutamaan-keutamaan tersebut adalah **usaha penyelesaian pertikaian secara damai melalui pendekatan kesederhanaan (*moderation*); pengantaraan (*mediation*)** sebagai pendekatan ke arah kedamaian; **pengukuhan operasi dan pelaksanaan misi pengaman PBB; pembinaan keamanan (*peacebuilding*) bagi negara-negara pasca konflik** serta **pembaharuan Majlis Keselamatan PBB yang lebih komprehensif.**

3. Keutamaan ini telah dikenalpasti berdasarkan penglibatan negara yang konsisten dalam isu pengantaraan melalui pendekatan kesederhanaan (*moderation*) yang dibuktikan semasa peranannya sebagai pemudahcara (*facilitator*) dalam usaha penyelesaian damai di rantau ini. Di samping itu, Malaysia

merupakan salah sebuah negara anggota PBB yang bergiat aktif di lebih 30 misi-misi pengaman PBB di serata dunia. Ini juga terbukti melalui peranan Malaysia sebagai ahli Jawatankuasa Organisasi Suruhanjaya Keamanan PBB (*UN Peacebuilding Commission's Organizational Committee*) serta program latihan yang diberikan untuk membantu negara-negara membangun menerusi Program Kerjasama Teknikal Malaysia (*Malaysian Technical Cooperation Programme - MTCP*).

4. Malaysia akan terus mempamerkan sokongan padu terhadap peranan yang dimainkan oleh Majlis Keselamatan PBB dengan bekerjasama erat bersama negara-negara anggota Majlis Keselamatan yang lain dalam usaha mencari penyelesaian yang aman dan berterusan bagi konflik-konflik antarabangsa.

Sekian, terima kasih.